

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (22)

Tarikh **30** Ogos 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 9/2019

**PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET:
PENAMBAHBAIKAN LALUAN PENDIDIKAN GRADUAN TVET**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. **Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET)** dibangunkan bagi menyokong aspirasi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dalam memperkukuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik. Sistem ini bertujuan memperkukuh sektor TVET sedia ada yang tidak bersepadu melalui pelaksanaan proses jaminan kualiti tunggal antara Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan TVET yang lebih baik. Sistem ini akan digunakan untuk menilai dan memberi perakuan akreditasi kepada program-program TVET yang ditawarkan oleh penyedia TVET. Strategi ini membolehkan mobiliti pelajar antara semua penyedia TVET di Malaysia.

3. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 30 Januari 2019 telah bersetuju dengan cadangan Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang melibatkan antara lain, **penambahbaikan laluan pendidikan graduan TVET**.

4. Melalui pelaksanaan sistem ini, laluan pendidikan graduan TVET akan ditambah baik bagi:

- (i) membolehkan pelajar melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat Kedoktoran (PhD) berdasarkan kesesuaian bidang;
- (ii) mengiktiraf pengalaman kerja dalam menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi; dan
- (iii) mengiktiraf pelajar yang didedahkan dengan Bahasa Kebangsaan, Sejarah dan Kenegaraan semasa mengikuti aliran pendidikan kebangsaan sebagai telah memenuhi Falsafah Pendidikan Negara.

5. Penambahbaikan laluan pendidikan graduan TVET melibatkan **Sembilan (9) Prinsip Artikulasi TVET** seperti berikut:

- (i) Merit kelayakan masuk ke program Sarjana Muda Tahap 6 MQF yang bersesuaian mengikut bidang dan reka bentuk program adalah berdasarkan pencapaian program TVET tertinggi yang diperoleh pelajar pada Tahap 4 MQF atau Tahap 5 MQF;
- (ii) Pelajar disyorkan kekal melalui laluan TVET sehingga ke Tahap 4 MQF atau Tahap 5 MQF sebelum melanjutkan pengajian ke program Sarjana Muda Tahap 6 MQF;
- (iii) Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara sebagai syarat tambahan pada prinsipnya tidak dikenakan terutamanya kepada pelajar yang mengikuti laluan program TVET yang direka bentuk tanpa pelajar perlu mengikuti peperiksaan SPM atau setara;
- (iv) Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)/Pusat Latihan (PL) perlu menetapkan syarat kelayakan masuk dan melaksanakan saringan dan bimbingan yang bersesuaian berdasarkan pencapaian pelajar, bidang dan reka bentuk program bagi membantu pelajar mengikuti dan menamatkan pengajian dengan jayanya. Dalam hal ini, PPT/PL digalakkan untuk mereka bentuk program sama ada berbentuk akademik atau TVET yang memberi laluan *seamless* kepada graduan TVET;
- (v) Pindahan kredit dan program pengukuhan boleh dilaksanakan oleh PPT/PL berdasarkan kesesuaian;
- (vi) Graduan aliran TVET boleh melanjutkan pengajian ke program Sarjana Tahap 7 MQF yang bersesuaian berdasarkan:
 - (a) Sarjana Muda Tahap 6 MQF; atau
 - (b) Berumur minimum 30 tahun, memiliki sekurang-kurangnya Diploma TVET Tahap 4 MQF dan pengalaman kerja berkaitan serta lulus ujian *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) Tahap 7 MQA;
- (vii) Graduan aliran TVET boleh melanjutkan pengajian ke program Kedoktoran Tahap 8 MQF yang bersesuaian setelah menamatkan pengajian Sarjana Tahap 7 MQF;
- (viii) Pelajar boleh melanjutkan pengajian ke mana-mana tahap program TVET yang bersesuaian melalui pengiktirafan pembelajaran terdahulu yang dilaksanakan oleh MQA dan JPK; dan
- (ix) Keberkesanan pelaksanaan artikulasi TVET perlu dipantau, disemak semula dan disesuaikan dengan situasi semasa oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Jaminan Kualiti TVET.

6. Melalui Prinsip Artikulasi TVET, Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET menambah fleksibiliti laluan pendidikan graduan dalam aliran TVET sehingga ke tahap tertinggi kelayakan dalam MQF iaitu Kedoktoran, memperkukuhkan laluan pendidikan sepanjang hayat kepada masyarakat dan seterusnya memperkukuhkan reputasi laluan TVET agar setanding dengan laluan akademik.


7. Penyedia TVET diharap dapat memanfaatkan Prinsip Artikulasi TVET bagi menyokong aspirasi Malaysia dalam mempertingkatkan pengiktirafan program-program TVET, membuka peluang kerjaya graduan yang lebih kompetitif dan memperluas peluang pembelajaran sepanjang hayat dalam konteks mengoptimumkan bakat. Keberhasilan kepada sasaran ini secara keseluruhannya akan mempertingkatkan produktiviti dan inovasi di industri selaras dengan ketersediaan tenaga kerja yang kompeten dan berbakat.

8. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. YBhg. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Tingkat 7-8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P. PUTRAJAYA

8. YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
9. YBhg. Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Aras 10, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA
10. YBhg. Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Aras 3, Blok B3, Kompleks JPM
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 W.P. PUTRAJAYA
11. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
12. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCR IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
13. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR
14. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR